

APAKAH ITU PELABELAN PEMAKANAN?

Label pemakanan adalah suatu penyenaian amaun nutrient sebagaimana yang dipaparkan pada label makanan. Ianya bertujuan untuk membekalkan maklumat yang benar mengenai kandungan pemakanan sesuatu produk.

APAKAH ITU AKUAN PEMAKANAN?

Akuan pemakanan ialah apa-apa akuan yang dibuat pada label produk makanan berhubung dengan kualiti pemakanannya.

KEPERLUAN AM BAGI PELABELAN DAN AKUAN PEMAKANAN

1. Semua teks hendaklah dalam Bahasa Malaysia, jika makanan itu dikeluarkan, disediakan atau dibungkus di Malaysia. Jika makanan itu diimport, semua teks hendaklah dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Dalam mana-mana hal, terjemahan dalam bahasa lain boleh disertakan.
2. Semua maklumat bagi pelabelan dan akuan pemakanan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan ini hendaklah mematuhi dengan keperluan sedia ada yang disyaratkan di dalam Bahagian IV (Peraturan 9 - 18) bagi Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
3. Bungkusan kecil dengan jumlah luas permukaan kurang daripada 100 cm² adalah dikecualikan dari pelabelan pemakanan.

IMPLIKASI DAN FAEDAH KEPADA:

INDUSTRI MAKANAN

- Menjadi alat komunikasi berkesan
- Meningkatkan profil produk
- Menjadi pemangkin bagi promosi jualan dan pemasaran
- Meningkatkan peluang perdagangan antarabangsa
- Menghasilkan produk yang lebih berkhasiat

PENGGUNA

- Menyampaikan maklumat pemakanan yang betul kepada pengguna dan membenarkan mereka untuk membezakan nilai pemakanan bagi produk yang sama.
- Membantu mereka dalam membuat pemilihan yang bijak berdasarkan nilai pemakanan.
- Memperkukuhkan aktiviti pendidikan pemakanan oleh Kementerian, di mana pengguna mempraktikkan prinsip pemakanan semasa memilih makanan dan merancang waktu makan.